

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Goh usulkan MCA ubah dasar dari parti politik ke perniagaan

KAMPAR, Ahad — Seorang pemimpin Parti Gerakan mengesyorkan supaya pemimpin-pemimpin MCA menurut kemahuan kaum Cina agar Parti Gerakan diberi peluang mewakili mereka di bidang politik.

Sebaliknya, MCA diberitahu supaya bergiat dalam perniagaan dan diubah menjadi sebuah syarikat perniagaan "MCA Sendirian Berhad" untuk mewakili kaum Cina di bidang ekonomi.

Timbalan Setiausaha Agung Parti Gerakan, Dr. Goh Cheng Teik berkata demikian ketika menghadiri majlis makan malam di sini semalam.

Dr. Goh yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menegaskan, cadangan agar MCA mengubah dasar dari parti politik ke sebuah syarikat perniagaan bukanlah merupakan satu 'gurauan' tetapi amat serius memandangkan pemimpin-pemimpin MCA kebanyakannya lebih condong ke bidang perniagaan.

"Gerakan akan sentiasa memberikan kerjasama dan sokongan yang kuat pada MCA Sdn. Bhd. dalam soal-soal perniagaan untuk menghasilkan satu kejayaan yang membanggakan," tambahnya.

Katanya, masyarakat Cina dewasa ini memerlukan Gerakan untuk mewakili mereka dan beliau berharap MCA akan menghormati kemahuan rakyat dan seterusnya membuka peluang kepada Parti Gerakan.

"Biarkan Gerakan mewakili kaum Cina dalam kerajaan dan DAP mewakili mereka sebagai pembangkang sementara MCA seharusnya mewakili mereka di bidang ekonomi," katanya.

Dr. Goh juga berkata, sejak bekas Timbalan Presiden MCA, Datuk Michael Chen menyertai Gerakan awal tahun ini, lebih 50,000 dari pengikutnya telah memasuki Gerakan.

Katanya, 10 dari beribu-ribu orang belum turut menyertai langkah tersebut, contohnya ahli-ahli perniagaan yang tidak suka menyertai mana-mana parti politik.